

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01

Hikmah dan Falsafah serta Perbahasan Hukum Berkenaan Ibadah Haji

Oleh:

Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Menurut mazhab Syafie, melaksanakan haji bermaksud mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadat tertentu dengan syarat tertentu. Dalam bulan Zulhijjah menurut kalendar hijri, berlakunya perhimpunan terbesar umat Islam di dunia dan ia hanya berlaku sekali setahun. Dalam konteks sesebuah kariah, Allah SWT mengadakan pertemuan di masjid untuk solat berjemaah dan solat Jumaat secara harian dan mingguan. Walau bagaimanapun, apabila datang kepada ibadah haji, perhimpunan dan pertemuan ini yang berlangsung di bumi Makkah al-Mukarramah dianggap lebih besar kerana ia melibatkan umat Islam dari seluruh dunia, yang tidak berlaku dalam mana-mana ibadah lain selain daripada menjalankan haji yang menjadi kemuncak kesempurnaan rukun Islam.

Ibadah haji juga merupakan lambang persaudaraan sesama umat Islam yang meluas melangkaui batas bahasa, negara, warna kulit dan lain-lain. Kaum muslimin bersatu dalam kesatuan dan persamaan. Mereka berpakaian serba putih sehingga tidak ada perbezaan antara miskin dan kaya. Sama ada pekerja atau majikan diikat oleh kegembiraan rohani untuk mendampingi Allah dan mencari keredhaanNya. Pemimpin negara sama sahaja kedudukannya dengan rakyat bawahan. Kehalusan jiwa dan nurani yang terpancar daripada nilai persamaan ini mengingatkan kita kepada keadaan apabila kita dilahirkan daripada rahim ibu tanpa sebarang perbezaan atau keistimewaan.

Bagi kaum muslimin, pelaksanaan ibadah haji sentiasa mengingatkan perjuangan dan pengorbanan besar Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail dalam membina Kaabah yang mulia, serta peristiwa berulang-aliknya Hajar dan Nabi Ismail mencari air di antara Safa dan Marwah. Catatan sirah menunjukkan bahawa sewaktu peristiwa pembukaan kota Mekah, Baginda telah mengucup Hajarul Aswad dan ketika itu laungan azan buat kali pertama berkumandang megah di bumi Mekah.

Selain itu, dalam ibadah melontar jamrah di Mina adalah bukti penentangan terhadap syaitan, yang sentiasa menghalang anak Adam daripada beribadat kepada Allah SWT. Bagi mereka yang melaksanakan ibadah haji, kenangan berada di Padang Arafah, tempat pelaksanaan ibadah haji bermula dengan mendekati diri kepada Allah melalui doa, berzikir dan mengharap pengampunan-Nya, pastinya akan menggamit ingatan setiap kali bulan Zulhijjah tiba. Seorang muslim yang sentiasa meletakkan Syariat Allah sebagai matlamat dalam kehidupannya pastinya akan dipengaruhi oleh pesanan penting dalam khutbah Arafah dan intipati khutbah semasa haji perpisahan Rasulullah Bersama para sahabat yang ibrahnya sentiasa kekal dalam jiwa para hujjaj sepanjang zaman.

Kaum muslimin seluruh dunia pasti bercita-cita tinggi untuk melaksanakan ibadah kemuncak dalam Islam ini. Walau bagaimanapun, hanya mereka yang mempunyai keupayaan dan peluang untuk pergi ke Makkah al-Mukarramah akan dapat mencapainya. Oleh itu, terdapat syarat khusus untuk siapakah yang diwajibkan menunaikan ibadah haji, yang ditetapkan oleh hukum syarak.

Seperti yang dinukilkan dalam *al-Fiqh al-Manhaji* sebuah kitab rujukan dalam Mazhab Syafie, sesiapa yang ingin menunaikan ibadah haji mestilah memenuhi enam keperluan dan syarat berikut:

1. Islam (tidak boleh dilakukan oleh orang kafir)
2. Berakal (Orang gila dan tidak siuman tidak perlu mengerjakan haji kerana mereka tidak dapat membezakan antara suruhan mahupun larangan)
3. Baligh (Orang yang belum cukup umur dan tidak mukallaf belum wajib mengerjakan haji)
Merdeka (hamba yang tidak mempunyai harta sendiri, tidak wajib hajinya)
4. Aman dalam perjalanan (haji tidak wajib bagi mereka yang bimbang tentang ancaman musuh terhadap hartanya atau dirinya). Termasuk juga kemungkinan menghadapi bahaya dalam perjalanan, seperti konflik perang dan sebagainya)
5. *Istita'ah* (wajib haji hanya kepada mereka yang mempunyai kemampuan dan keupayaan sahaja).

Dalam konteks pelaksanaan ibadah haji, kemampuan untuk memiliki harta yang mencukupi untuk mengerjakan haji dikenali sebagai *istita'ah*. Ia termasuk kos tambang dan tiket pengangkutan, kos pergi dan balik, dan kos untuk mendapatkan pasport perjalanan. Semua kos ini telah ditetapkan oleh Lembaga Tabung Haji, agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan ibadah haji.

Berikut ialah jadual perbezaan kos mengerjakan haji untuk tahun 2022, 2023 dan 2024.

2024		
B40	M40	T20
RM12,356.00	RM19,152.00	RM33,300.00

2023		
B40	M40	T20
RM10,980.00	RM15,980.00	RM30,850.00

2022		
B40	M40	T20
RM10,980.00	RM12,980.00	RM12,980.00

Kos yang ditanggung oleh jemaah Muassasah ini termasuk penerbangan, pengangkutan, penginapan di Mekah dan Madinah, makan minum, dan pembayaran kepada pihak berkuasa Arab Saudi. Bayaran haji ialah jumlah wang yang dibayar oleh seorang jemaah haji kepada Lembaga Tabung Haji untuk membenarkannya menunaikan haji pada tahun tersebut. Lembaga Tabung Haji tidak membuat kenaikan kos ini sesuka hati. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan kos, cukai yang lebih tinggi dan caj perkhidmatan baharu yang dikenakan oleh kerajaan Arab Saudi.

Adakah menyimpan deposit Lembaga Tabung Haji dapat memenuhi syarat berkemampuan ini memandangkan jumlah perbelanjaan dan perbelanjaan yang telah dinyatakan ini, serta konsep *istita'ah* ini akan meningkat setiap tahun? Dalam kes ini, adalah penting untuk difahami bahawa konsep menunaikan ibadah haji sangat berkaitan dengan kemampuan seseorang individu. Allah SWT tidak memaksa seseorang yang tidak mempunyai kemampuan untuk melakukannya disebabkan masalah kewangan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, tanggungjawab itu akan tergugur.

Selain itu, kewajipan haji tergugur jika seseorang itu merasa bimbang tentang kemungkinan berhadapan dengan bahaya, seperti penyamun, perompak, lanun, atau wabak penyakit seperti taun, selsema burung dan lain-lain. Begitu juga dengan keadaan semasa yang tidak aman, bimbang harta mereka mungkin dirampas dan seumpamanya. Dalam hal kuota haji, yang memerlukan penggiliran berdasarkan tarikh pendaftaran untuk mengerjakan haji, ia juga ada kaitannya dengan konsep *istita'ah* ini. Setiap tindakan yang membawa kerosakan atau yang menolak kemaslahatan, maka ianya ditegah. Oleh itu, hukumnya tidak wajib dan tidak berdosa jika tidak mampu kerana terhalang disebabkan permasalahan *istita'ah* itu.

Kemampuan berkaitan dengan haji berkait juga dengan situasi semasa terutamanya semasa dunia diuji dengan wabak COVID-19. Ini adalah hasil daripada sifat rahmah dan kasih sayang ALLAH terhadap hambanya untuk mencegah kematian akibat penyakit, selaras dengan prinsip Maqasid Syariah antaranya untuk menjaga agama dan nyawa. Semasa Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) ke-37, yang diadakan secara atas talian dari 21 hingga 23 Disember 2020, keputusan telah dibuat mengenai *istita'ah amniyah* (keamanan dan keselamatan) dalam ibadah haji. Ia termasuk keselamatan kehidupan, harta, kehormatan, kesihatan, perjalanan, tinggal di Tanah Suci dan keselamatan semasa menjalankan ibadah haji. Selain itu, muzakarah telah menetapkan bahawa pihak kerajaan berhak untuk menghadkan bilangan atau tidak membenarkan jemaah haji yang akan pergi ke haji semasa wabak melanda negara.

Hasil Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-6 pada 8 Jun 2020 turut memutuskan bahawa ibadah haji jemaah Malaysia pada musim haji 1441 Hijrah (2020) tidak boleh dilaksanakan, walaupun Kerajaan Arab Saudi telah mengumumkan pembukaan ibadah haji pada tahun itu. Untuk tahun 2021, penangguhan itu dikekalkan, seperti yang dikeluarkan dalam laman web Lembaga Tabung Haji bertarikh 13 Jun 2021 : *syarat-syarat wajib haji adalah berkemampuan atau 'Istita'ah' untuk pergi menunaikan haji. Antara ciri-ciri Istita'ah ialah dari segi kesihatan, kemampuan kewangan, keamanan dalam perjalanan, pengangkutan yang selamat dan kebenaran kuota haji*”.

Dr. Wahbah al-Zuhaili berkata: “Keselamatan bermaksud keselamatan nyawa, harta orang yang mengerjakan haji di sepanjang jalan, yang akan dilalui dan tempat yang sepatutnya dizarahi, walaupun hanya secara berat sangka (zanni).”

Maksudnya ialah keselamatan pada keseluruhannya. Jika seseorang itu merasa tidak selamat atau bimbang terhadap keselamatan nyawanya, isterinya atau hartanya kerana ada binatang buas, musuh, perompak atau penyamun (yang menunggu mereka) dan jalan-jalan lain yang selamat tidak ada, maka pada ketika itu, haji tidak wajib ke atasnya kerana bencana dan ancaman tersebut.

Bagaimana pula dengan hukum mengeluarkan wang KWSP adakah ia berkait dengan isu *istita'ah* ini? Memandangkan wang caruman yang diberikan oleh KWSP adalah milik peribadi, jemaah haji yang mengeluarkannya masih dianggap termasuk dalam kategori berkemampuan. Bahkan pihak KWSP sendiri membenarkan pencarum mengeluarkan Akaun 2, yang hanya bertujuan untuk menampung perbelanjaan asas mengerjakan haji dan bukannya kos keseluruhan haji. Ini untuk memastikan simpanan semasa persaraan tidak terjejas walaupun berlaku pengeluaran untuk menunaikan haji.

Apakah pula hukum melakukan pinjaman untuk mencukupkan kos dan bayaran haji adakah ia termasuk dalam konsep *istita'ah* atau sebaliknya? Berhubung dengan persoalan ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi dan Seumpamanya Untuk menunaikan Fardu Haji atau Umrah, Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan ia tidak menjejaskan kehidupan normalnya; dan
2. Skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, taawun (kerjasama bantu membantu), adil dan telus dalam operasinya di samping bebas dari unsur-unsur riba.

Oleh itu, *istita'ah* ini harus dilihat secara keseluruhan kerana ia melibatkan pelbagai aspek seperti kesihatan fizikal, kewangan, pengurusan hal ehwal haji, pengetahuan yang akan digunakan semasa ibadah haji, dan lain-lain yang diperlukan untuk membolehkan seseorang menjalankan ibadah haji dengan sempurna. Ini membezakan fardhu haji daripada ibadah lain yang memerlukan *istita'ah* untuk dilaksanakan. Disebabkan ia adalah satu ibadah yang mencabar untuk dilaksanakan, Islam sangat menghargai kemampuan umatnya. Oleh itu, dengan ihsan Allah SWT terhadap hambanya, Dia memberi sedikit ruang untuk mereka melaksanakannya jika mereka mampu. Jika mereka tidak mampu, mereka boleh dilepaskan dan tidak terbeban dengan dosa.